

21 SEP 1998

Komanwel-Penutup (bergambar)

SUKAN KOMANWEL TERBAIK BERAKHIR

Oleh: Arul Rajoo & Ruhil Zainal Abidin

KUALA LUMPUR, 21 Sept (Bernama) -- Ratu Elizabeth malam ini menutup Sukan Komanwel terakhir bagi abad ini yang disifatkan sebagai yang terbaik dalam sejarah dalam satu lagi upacara gilang gemilang dan penuh warna-warni di Stadium Nasional bertaraf Olimpik di Bukit Jalil di sini.

Sukan Komanwel ke-16 anjuran Malaysia bagi kali pertama, juga yang pertama di kalangan negara Asia, adalah yang terbesar. Ia disertai 5,000 atlit dan pegawai dari 70 negara dengan rekod 15 acara sukan termasuk acara berpasukan yang baru diperkenalkan.

Australia, tuan rumah Olimpik 2000, muncul juara kejohanan yang berlangsung selama 11 hari itu dengan mempertahankan kejuaraan keseluruhannya dengan menggondol 80 pingat emas diikuti England (36), Kanada (30) dan Malaysia (10).

Berbekalkan sokongan padu penonton setia tempatan dan slogan bersemangat "Malaysia Boleh", pasukan tuan rumah mencatat pencapaian terbaiknya sejak menyertai Sukan ini pada 1950. Sebagai hadiah kepada negara dan rakyat bagi kejayaan pada temasya Sukan ini dan bagi menghargai prestasi cemerlang kontinjen Malaysia, kerajaan telah mengisytiharkan 28 Sept sebagai cuti umum.

Sebagai menghargai kemudahan stadium-stadium bertaraf dunia dan penganjuran terunggul temasya Sukan yang banyak menerima pujian, para atlit Australia mencatat rekod dunia melalui acara 4x200m renang gaya bebas lelaki dan hampir memecah beberapa lagi rekod dunia.

"Malaysia menjanjikan kita penganjuran temasya Sukan yang terbaik dan mereka telah tunaikan janji itu," kata pengerusi Persekutuan Sukan Komanwel (CGF) Michael Fennel pada upacara penutupan itu.

"Sukan Kuala Lumpur '98 hampir tamat dan saya gembira kita berjaya memikul tugas seperti yang diharapkan dan memenuhi segala janji kita. Inilah temasya Sukan paling baik dan kita semua saksikannya di sini di Kuala Lumpur," kata pengerusi penganjur temasya Sukan, Jen (B) Tan Sri Hashim Mohd Ali dalam ucapan penutupnya.

Antara kemuncak upacara penutupan ialah penyerahan bendera Persekutuan Sukan Komanwel (CGF) kepada bandaraya Manchester city, tuan rumah Sukan Komanwel ke-17 pada 2002.

Ratu Elizabeth, yang dalam rangka lawatan negara empat hari ke Malaysia, menaiki sebuah limosin hitam terbuka ke dalam stadium yang boleh menampung 100,000 penonton itu dengan diiringi Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar disusuli Duke of Edinburgh Putera Philip dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah dalam sebuah kenderaan yang serupa.

Lagu kebangsaan Britain "God Save The Queen" berkumandang di udara diikuti lagi kebangsaan Malaysia "Negaraku".

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pengerusi CGF Michael Fennell, pengerusi eksekutif Jen (B) Tan Sri Hashim Mohd Ali, menteri-menteri kabinet dan orang-orang kenamaan asing menghadiri upacara yang berlangsung selama empat setengah jam itu yang dipancarkan terus ke seluruh dunia.

Malaysia adalah negara membangun kedua selepas Jamaica menganjurkan temasya Sukan ini pada 1966.

Sebelum upacara penutupan itu, acara-acara trek dan padang hari terakhir diadakan. Ratu Elizabeth yang terdahulu melawat Kompleks Sukan Negara meluangkan masa untuk menyaksikan perlumbaan akhir 1,500m dan menyampaikan pingat kepada pemenang-pemenang 4X100m lari berganti-ganti

lelaki.

Seperti majlis pembukaan, penutupannya juga dipenuhi dengan satu lagi pesta lagu dan tarian yang didahului dengan persembahan pancaragam bersekutu sekolah-sekolah dari Johor, Negeri Sembilan, Selangor dan Kuala Lumpur diikuti nyanyian artis tempatan Jay Jay bagi memulakan suasana hiburan.

Kemudian persembahan oleh bandaraya Manchester di mana hos England membariskan "putera" terkenalnya bekas pemain bola sepak terkemuka England dan Manchester United, Sir Bobby Charlton yang "membawa upacara itu ke Bandaraya Manchester".

Tumpuan kemudian ditujukan ke arah skrin gergasi bagi menyaksikan persembahan terus menerus menerusi satelit dari pusat bandar Manchester di mana ribuan warganya menyampaikan salam mesra kepada rakyat Malaysia.

Dari bandaraya yang terkenal dengan bola sepak itu, presiden CGF Putera Edward memberi tahniah kepada Malaysia kerana kejayaannya menjadi tuan rumah sebuah temasya Sukan yang gemilang yang patut menjadi kebanggaan rakyatnya.

"Manchester menjadi tuan rumah Sukan Komanwel 1934 dan sekarang kami mempelawa setiap orang ke Manchester bagi temasya Sukan yang pertama bagi milenium berikutnya," katanya.

Persembahan 15 minit itu termasuk lagu-lagu daripada kumpulan New Order, klip video pemandangan menarik bandaraya itu dan penduduknya yang akan menjadi tuan rumah Sukan Komanwel 2002.

Diselitkan juga perutusan daripada Perdana Menteri Britain Tony Blair yang berkata tahun 2002 akan menjadi tahun yang bermakna "kerana acara sukan terbesar dalam milinium baru akan berlangsung".

"Kami mengalu-ngalukan anda semua menjadi sebahagian daripadanya," katanya.

Siti Nurhaliza dan Noraniza Idris kemudian mengambil alih dari Bandaraya Manchester City dan menghiburkan penonton dengan beberapa lagu dan tarian tradisional seperti dikir barat and zapin.

Ini diikuti perbarisan pembawa bendera dan tiga atlit masing-masing dari setiap negara peserta dan ribuan sukarelawan atau dikenali sebagai Nadi 98 yang banyak memberi sumbangan ke arah menjadikan temasya Sukan ini satu kejayaan yang besar.

Bendera CGF kemudian diturunkan dengan iringan lagu tema temasya Sukan "Forever As One" dan diarak mengelilingi stadium sebelum ia diserahkan kepada Fennell.

Dalam upacara tukar menukar cenderahati antara tuan rumah sekarang dan tuan rumah akan datang, Hashim menghadihkan dua kraftangan berbentuk rebana ubi kepada pengerusi Jawatankuasa Penganjur Manchester 2002 Robert Hough.

Fennell kemudian menyerahkan bendera kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur Tan Sri Kamaruzzaman Shariff yang kemudian menyerahkannya kepada rakan sejawatannya dari Manchester Gordon Conquest.

Ratu Elizabeth dalam ucapan penutupannya menggesa semua ahli sukan supaya berhimpun di Manchester empat tahun lagi bagi memeriahkan Sukan Komanwel ke-17 dan bagi meneruskan semangat perpaduan.

Persembahan bunga api menerangi stadium sebaik sahaja Ratu Elizabeth mengisytiharkan Sukan Kuala Lumpur '98 ditutup. Pasangan diraja itu kemudian meninggalkan stadium.

Selepas upacara rasmi, para atlit dan sukarelawan bergembira di tengah padang dengan persembahan konsert dua jam oleh artis-artis tempatan dan luar negara seperti Donna Lewis dan kumpulan dari Ireland, Corrs.

Antara artis tempatan pula yang menghiburkan penonton dari atas pentas berbentuk rebana ubi ialah Sheila Majid, Amelina, Amy, Zamani, Saleem dan kumpulan Raihan serta KRU.

-- BERNAMA
AR RAZ ZAB